



MAJLIS DAERAH KERIAN  
NO. 1 WISMA MDK, JALAN PADANG  
34200 PARIT BUNTAR  
PERAK DARUL RIDZUAN

### IKLAN JAWATAN KOSONG

- A) Permohonan adalah dipelawa daripada Warganegara Malaysia dan keutamaan kepada rakyat DYMM Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan yang berumur tidak kurang daripada 18 tahun untuk mengisi jawatan-jawatan berikut :-

<b>BIL.</b>	<b>JAWATAN</b>
1.	<b>PENOLONG PEGAWAI KESIHATAN PERSEKITARAN GRED U29 (KONTRAK)</b>

B) **CARA MEMOHON**

1. Syarat lantikan dan cara memohon boleh dirujuk dari laman web Majlis Daerah Kerian iaitu :  
[www.mdkerian.gov.my](http://www.mdkerian.gov.my) atau <https://digital.perak.my/perjawatan/>
2. Permohonan hanya boleh dibuat secara atas talian (*online*) melalui laman sesawang <https://digital.perak.my/perjawatan/> .

C) **Catatan Am**

1. Sila sertakan salinan kad pengenalan / sijil lahir/ sijil kelulusan yang berkaitan.
2. Hanya calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk temuduga
3. Borang yang tidak lengkap dan tidak memenuhi syarat akan ditolak.
4. Pemohon yang tidak menerima borang jawapan selepas enam bulan dari tarikh tutup iklan hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya.

D. **Semua dokumen hendaklah dihantar kepada :**

YANG DIPERTUA  
MAJLIS DAERAH KERIAN  
NO. 1 WISMA MDK, JALAN PADANG  
34200 PARIT BUNTAR  
PERAK DARUL RIDZUAN

**TARIKH TUTUP PERMOHONAN : 12 DISEMBER 2022**

- 1. JAWATAN : PENOLONG PEGAWAI KESIHATAN PERSEKITARAN GRED U29 (KONTRAK)**
- KUMPULAN : PELAKSANA**
- JADUAL GAJI (MIN-MAX) : MIN : RM 1,797.00 MAK : RM 5,753.00**

**SYARAT LANTIKAN :**

Diploma dalam bidang kesihatan persekitaran yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan ialah pada Gred U29: RM1,797.00).

**SYARAT BAHASA MELAYU:**

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/ Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

**DESKRIPSI TUGAS:**

1. Memantau kerja-kerja kutipan sisa pepejal dan kerja-kerja pembersihan awam
2. Memantau dan memeriksa tahap kebersihan dan keindahan sekitar kawasan Majlis Daerah Kerian
3. Menguatkuasakan undang-undang, peraturan dan undang-undang kecil di bawah akta dan enakmen yang berkaitan dengan kesihatan umum.
4. Menyiasat dan menyediakan laporan ke atas semua kes penyakit berjangkit.
5. Memeriksa dan mengawas bahan-bahan makanan di premis-premis makanan seperti restoran, kilang, rumah sembelih dan pasar.
6. Melaksanakan operasi penguat kuasa pembersihan awam / sampah haram / sisa pepejal domestik.
7. Menjalankan aktiviti-aktiviti pendidikan kesihatan umum seperti ceramah kepada institusi kerajaan dan swasta serta badan-badan sukarela.